

Program Pemulihan di dalam Penjara bagi Pesalah Jenayah: Kajian di Jabatan Penjara Malaysia

(Prison Rehabilitation Programme for Criminal Offenders: A Study in Malaysian Prison Department)

HASNIZAM HASHIM
NORMAN ZAKIYY CHOW JEN-T'CHIANG
RAMALINGGAM RAJAMANICKAM

ABSTRAK

Dalam memahami konsep kepenjaraan pada masa ini, penjara sebenarnya bukan sahaja merupakan tempat untuk menghukum mereka yang melakukan kesalahan, namun lebih menjurus sebagai institusi yang bertanggungjawab untuk memulih, memimpin dan mendidik pesalah agar menjadi individu yang berdisiplin dan bertanggungjawab setelah mereka kembali ke pangkuan masyarakat. Dalam konteks Malaysia, agenda pemulihan pesalah jenayah merupakan agenda utama kerajaan dalam usaha mengurangkan kadar jenayah. Menyedari hakikat ini, kerajaan melalui Pelan Hala Tuju Transformasi telah memberikan penekanan terhadap kepentingan memperbaiki program pemulihan dalam penjara untuk mengurangkan kecenderungan kesalahan berulang. Penulisan yang menggunakan pendekatan kualitatif ini akan menjelaskan tentang program pemulihan di dalam penjara yang dilaksanakan oleh Jabatan Penjara Malaysia ke atas pesalah jenayah yang menjalani hukuman penjara. Penulisan dibuat dengan merujuk dokumen berkaitan modul pemulihan serta temu bual pakar. Penulisan ini penting bagi mengetengahkan pengalaman Jabatan Penjara Malaysia dalam membangun dan melaksanakan modul pemulihan di dalam penjara. Kajian mendapati bahawa pembangunan modul pemulihan bagi pesalah jenayah yang menjalani hukuman penjara adalah seimbang dengan mengambil kira aspek pemulihan fizikal, mental, sikap, akhlak dan rohani.

Kata kunci: Program pemulihan; pesalah jenayah; Jabatan Penjara Malaysia

ABSTRACT

In today's effort to foster a better understanding on the concept of imprisonment, it is essential to presume that a prison is not a place to punish offenders, but as an institution which is responsible to rehabilitate, guide and educate offenders so that they may become disciplined and responsible individuals upon their return to the community. In the Malaysian context, rehabilitation of criminal offenders has become the government's main agenda in its pursuit to reduce the commission of crimes. Taking cognisance of this reality, the Government through the Government Transformation Plan emphasized on the need to improve the prison rehabilitation programme in order to reduce the tendency of repetition in the commission of offences. This writing, which adopts the qualitative approach attempts to explain the implementation of prison rehabilitation programme for criminal offenders who are serving terms of imprisonment. This writing is based on reference to documents relating to rehabilitation module in prison apart from interviewing experts. The importance of this writing is seen in its emphasis on the experiences of the Malaysian Prison Department in developing and in implementing the rehabilitation module in prison. The findings show that the development of the rehabilitation module for criminal offenders serving their imprisonment terms is well-balanced, taking into consideration of various aspects which include physical rehabilitation, mental, attitude, behaviour and spiritual.

Keywords: Rehabilitation programme; criminal offenders; Malaysian Prison Department

PENGENALAN

Jabatan Penjara Malaysia (JPM) merupakan institusi terakhir dalam melaksanakan sistem keadilan jenayah negara (Criminal Justice System) dan bertanggungjawab kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (KDN).¹ Penjara merupakan tempat untuk menahan seseorang yang telah dijatuhi hukuman penjara oleh mahkamah atas kesalahan jenayah atau penahanan seseorang yang sedang menunggu untuk percubaan.² Bagi yang telah dijatuhi hukuman penjara oleh mahkamah, mereka dikenali sebagai banduan. Banduan atau tahanan atau juga dikenali sebagai penghuni penjara ini diwajibkan mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Penjara Malaysia dan pergerakan mereka adalah amat terkawal.

Dalam konsep kepenjaraan masa ini, selain merupakan tempat penahanan banduan, penjara juga merupakan tempat bagi banduan atau tahanan menjalani pelbagai aktiviti pemulihan sehinggalah tarikh mereka dibebaskan. Jabatan Penjara Malaysia memberi khidmat kepada masyarakat dengan menahan mereka yang dihukum oleh mahkamah bagi menjamin keselamatan awam dan pada masa yang sama, membantu untuk memulihkan banduan atau tahanan supaya mereka dapat menjalani kehidupan yang berfaedah serta mematuhi undang-undang semasa dalam tahanan dan selepas dibebaskan.³ Menurut Dato' Seri Haji Zulkifli bin Omar, Ketua Pengarah Jabatan Penjara Malaysia, dalam memahami konsep kepenjaraan masa ini, penjara ialah tempat bagi mereka yang didapati bersalah oleh mahkamah akan ditahan, dikawal dan menjalani pelbagai program pemulihan. Penjara sebenarnya bukan sahaja merupakan tempat untuk menghukum mereka yang melakukan kesalahan, namun lebih menjurus sebagai institusi yang bertanggungjawab untuk memulih, memimpin dan mendidik pesalah agar menjadi individu yang

berdisiplin dan bertanggungjawab setelah mereka kembali ke pangkuan masyarakat.⁴

Program pemulihan banduan atau pesalah di bawah kendalian Jabatan Penjara Malaysia boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Program Pemulihan di dalam Penjara dan Program Pemulihan di Luar Penjara (Program Pemasarakatan Banduan). Semasa berada di penjara, banduan akan melalui beberapa program sebelum dibebaskan atau kembali semula ke pangkuan masyarakat. Antara program tersebut ialah orientasi, pembentukan personaliti, latihan kemahiran dan pemsarakatan. Penerangan secara terperinci tentang program pemulihan di dalam penjara bagi pesalah jenayah oleh Jabatan Penjara Malaysia akan dihuraikan secara rinci dalam penulisan ini.

EVOLUSI PEMULIHAN PESALAH JENAYAH DI JABATAN PENJARA MALAYSIA

Pada masa ini, terdapat 33 buah penjara di Malaysia.⁵ Dari segi sejarah, penjara di Malaysia sudah berusia 225 tahun, hampir sama usianya dengan penjara-penjara lain di dunia.⁶ Penjara yang ada di Malaysia pada hari ini ialah sesuatu yang diwarisi daripada pihak British.⁷ Semasa pentadbiran British, penjara adalah merupakan tempat untuk menghukum dan menyeksa pesalah semata-mata. Sejarah menyaksikan bahawa banduan Penjara Cornwallis, iaitu penjara pertama yang dibina di Malaysia pada tahun 1790 dijadikan buruh dan dilayan secara kekerasan dan dipaksa memecahkan batu bata untuk membina kota, kubu, benteng, jalan dan lain-lain. Pembinaan Penjara Taiping sebagai penjara kedua di Malaysia yang dahulunya dikenali sebagai Penjara Larut pada sekitar tahun 1879 juga menyaksikan bahawa tawanan dan banduan yang dibawa dari Afrika telah digunakan sebagai buruh paksa. Keadaan yang berlaku ini memperlihatkan bahawa matlamat utama penahanan banduan di


penjara pada ketika itu adalah untuk mendapatkan tenaga buruh yang murah dengan menghukum mereka melakukan kerja-kerja berat berikutan penamatan perdagangan perhambaan dan juga penghapusan sistem perhambaan di negeri-negeri Melayu oleh Parlimen British pada tahun 1897.⁸ Konsep penjara sebagai tempat untuk menyeksa dan mengensarasakan banduan ini juga dapat dilihat semasa negara dijajah oleh Jepun dari tahun 1941 hingga 1945.⁹

Selepas British menguasai semula Tanah Melayu daripada Jepun pada tahun 1946, matlamat penjara masih lagi berteraskan menghukum pesalah. Walau bagaimanapun, antara tahun 1950 hingga tahun 1960, sejarah memperlihatkan bahawa terdapat aktiviti perusahaan yang telah dijalankan di Penjara Taiping. Kebanyakan banduan di penjara ini diberi latihan membuat rotan, menjilid buku, bengkel kayu, besi, tembaga, bengkel kraft tangan, bengkel kasut, plastik, tilam, bengkel menjahit dan sebagainya.¹⁰

Selepas negara beroleh kemerdekaan, program pemulihan oleh Jabatan Penjara Malaysia telah dimulakan dengan program khidmat bakti dan dikenali sebagai “Sistem Ibrahim.”¹¹ Program ini seterusnya diperluas menggunakan kaedah yang diintegrasikan melalui aktiviti pemulihan, vokasional, agama dan latihan fizikal. Pada bulan Julai 1980, Program Konsultatif diperkenalkan sebagai sokongan terhadap sistem pemulihan dan rawatan.¹² Program ini disusuli pula oleh Program Therapeutic Community yang diperkenalkan pada bulan September 1992 sebagai alternatif bagi modul pemulihan yang dibentuk

khusus bagi penagih dadah.¹³ Model ini berasal dari barat dan disesuaikan dengan budaya timur. Model ini menggunakan pendekatan modifikasi tingkah laku, emosi dan psikologi, intelektual dan spiritual serta vokasional dan kemahiran.¹⁴ Seterusnya, Program Halaqah diperkenalkan pada bulan Februari 1996 sebagai langkah pemulihan alternatif yang dibentuk untuk banduan yang beragama Islam. Program ini memberikan tumpuan terhadap pembelajaran serta latihan amali, ilmu agama dan kerohanian. Bagi tujuan pengukuhan keseluruhan program pemulihan, pada bulan Februari 2002, sistem pemulihan dilaksanakan melalui Program Pembangunan Insan (PPI).¹⁵

Pada 8 Februari 2014, konsep Penjara Sejahtera telah diperkenalkan bagi memperkasakan pengurusan kepenjaraan dan mematuhi standard dan piawaian antarabangsa selaras dengan pendekatan penjara sebagai institusi koreksional. Konsep Penjara Sejahtera telah dicetuskan oleh Menteri dalam Negeri pada ketika itu. Konsep Penjara Sejahtera merupakan transformasi utama Jabatan Penjara Malaysia ke arah pencapaian dua matlamat unggulnya, iaitu penahanan yang selamat dan pemulihan yang berkesan.¹⁶ Menurut Dato’ Seri Zulkifli bin Omar, penjara sejahtera ini diperkenalkan dengan tanggapan bahawa seseorang itu mampu diubah dan dibentuk menjadi insan yang lebih baik dan seterusnya tidak mengulangi kesilapan yang telah dilakukan.¹⁷



RAJAH 1. Ukuran Kepada Penjara Sejahtera
Sumber: Jabatan Penjara Malaysia

RAJAH 1 di atas menunjukkan konsep Penjara Sejahtera yang diperkenalkan oleh Jabatan Penjara Malaysia pada 8 Februari 2014. Konsep ini, pada asalnya di erkenalkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau dikenali sebagai World Health Organization (WHO). Berdasarkan konsep ini, penjara sejahtera ialah sebuah penjara yang mempunyai persekitaran penahanan yang kondusif dari segi keselamatan, pemulihan, layanan dan pasyarakatatan. Dari segi keselamatan, penghuni penjara akan dikawal dengan selamat ketika berada di dalam penjara dan ketika mengadakan aktiviti di luar penjara. Pemulihan pula akan memastikan penghuni penjara diberi peluang untuk melibatkan diri dalam aktiviti yang memberikan manfaat kepada mereka. Setiap penghuni yang menjalani hukuman penjara akan dilayan dengan menghormati hak mereka sebagai manusia. Elemen pasyarakatatan dalam konsep penjara sejahtera akan memastikan persediaan

penghuni yang dibebaskan supaya dapat kembali kemula ke pangkuan masyarakat dan pada masa yang sama dapat mengurangkan kadar residivis.

Peruntukan Undang-Undang bagi Pelaksanaan Program Pemulihan bagi pesalah jenayah di Jabatan Penjara Malaysia

Dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya sebagai sebuah institusi penahanan dan pemulihan, Jabatan Penjara Malaysia tertakluk pada akta dan peraturan yang telah diluluskan oleh Parlimen Malaysia. Akta dan peraturan-peraturan tersebutlah yang memberikan kuasa kepada Jabatan Penjara Malaysia untuk menahan seseorang sebagai penghuni penjara dan melaksanakan program-program pemulihan kepadanya secara sah. Akta dan peraturan tersebut adalah seperti yang berikut:¹⁸

AKTA PENJARA 1995

Akta ini ialah pindaan daripada Ordinan Penjara 1952 dan mula berkuat kuasa pada 18 Januari 1996. Akta ini juga dikenali sebagai Akta 537. Akta ini merupakan suatu akta untuk menyatu dan meminda undang-undang berhubung dengan penjara, banduan dan perkara-perkara yang berkaitan.

AKTA PENJARA (PINDAAN) 2008

Akta ini ialah pindaan daripada Akta Penjara 1955 dan mula berkuat kuasa pada 30 Jun 2008. Akta ini juga dikenali sebagai Akta A1332. Akta ini merupakan suatu akta untuk menyatu dan meminda undang-undang berhubung dengan penjara, banduan, parol dan perkara-perkara yang berkaitan.

PERATURAN PENJARA 2000

Peraturan ini merupakan pindaan daripada Peraturan Penjara 1953 dan mula berkuat kuasa pada tahun 1 September 2000. Peraturan Penjara 2000 menjelaskan prinsip-prinsip am pentadbiran penjara dan pemakaian peraturan-peraturan.

AKTA KANAK-KANAK 2001

Akta ini mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2002 dengan menggantikan Akta Mahkamah Juvana 1947 (Semakan 1972). Akta ini bertujuan melindungi kanak-kanak dan kepentingannya. Pada tahun 2016, Akta ini telah dipinda dan beberapa penambahan serta pembaharuan telah dimasukkan.

KAEDAH-KAEDAH SEKOLAH HENRY GURNEY 1949

Kaedah-Kaedah Sekolah Henry Gurney 1949 diperbuat di bawah Ordinan Mahkamah Juvana 1947. Kaedah ini bertujuan menyelaraskan peraturan-peraturan berkaitan pengurusan dan layanan di sekolah Henry Gurney.

AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI 1960 (SEMAKAN 1972)

Akta ini mula berkuat kuasa di Semenanjung Malaysia pada 1 Ogos 1960 dan bagi Sabah dan Sarawak pada 16 September 1963. Akta ini telah disemak semula pada tahun 1972. Akta ini merupakan suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi keselamatan dalam negeri Malaysia, tahanan pencegahan, pencegahan subversif, penghapusan keganasan terancang terhadap orang dan harta di dalam kawasan tertentu di Malaysia, dan mengenai perkara yang berkaitan dengannya.

KAEDAH-KAEDAH KESELAMATAN DALAM NEGERI (ORDINAN ORANG TAHANAN) 1960

Kaedah-Kaedah Keselamatan Dalam Negeri (Ordinan Orang Tahanan) 1960 diwujudkan bertujuan menyelaraskan pentadbiran dan pengurusan orang-orang tahanan di pusat-pusat pemulihan akhlak.

ORDINAN DARURAT (KETENTERAMAN AWAM DAN MENCEGAH JENAYAH) 1969

Ordinan ini dibuat di bawah perkara 150 (2) Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Ordinan ini bertujuan untuk keselamatan dan ketenteraman awam, mengekang keganasan dan mencegah jenayah keganasan. Ordinan ini berkuatkuasa pada 16 Mei 1969.

KAEDAH-KAEDAH DARURAT (KETENTERAMAN AWAM DAN MENCEGAH JENAYAH) 1970

Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa pada 1 Januari 1971. Kaedah ini bertujuan menyelaraskan pentadbiran dan pengurusan orang-orang tahanan di pusat-pusat pemulihan akhlak.

AKTA DADAH BERBAHAYA (LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN KHAS) 1985

Akta ini dikenali juga sebagai Akta 316. Akta ini berkuat kuasa pada 30 Mei 1985. Akta ini bertujuan membuat peruntukan mengenai pencegahan orang-orang yang ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubung dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya.

PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH PENJARA

Dalam Perintah Tetap ini, kuasa diberikan kepada Ketua Pengarah di bawah seksyen 12 Akta Penjara 1995. Ketua Pengarah, pada menjalankan kuasanya, boleh mengeluarkan apa-apa perintah tetap berhubung dengan pengurusan kepenjaraan.

UNITED NATIONS STANDARD MINIMUM RULES FOR THE TREATMENT OF PRISONERS

United Nation Standard Minimum Rules for the Treatment of Prisoners diperkenalkan pada tahun 1955 di “Congress on the Prevention of Crime and the Treatment of Offenders, Geneva.” Instrumen ini telah diluluskan pada 31 Julai 1957 dan dipinda pada 13 Mei 1977 dengan tujuan untuk menetapkan satu standard umum berkaitan prinsip dan pelaksanaan terhadap layanan kepada banduan dan pengurusan institusi penjara.

PROGRAM PEMULIHAN DI DALAM PENJARA DI BAWAH KENDALIAN JABATAN PENJARA MALAYSIA

Di Jabatan Penjara Malaysia (JPM), bahagian yang bertanggungjawab dalam merencana dan melaksanakan program pemulihan ke atas pesalah atau banduan ialah Bahagian Pengurusan Banduan (Seksyen Pemulihan & Rawatan). Bahagian ini bertanggungjawab merancang dan melaksanakan program dan aktiviti rawatan dan pemulihan kepada pesalah bagi memperbaiki dan membina

semula fizikal, mental, sikap, akhlak, dan rohani berasaskan nilai murni dan seterusnya membentuk pendekatan pemulihan yang benar-benar bersesuaian dengan keperluan pesalah agar perubahan sikap yang positif terhasil dalam kalangan pesalah. Pesalah akan dididik dan diberikan pendedahan serta latihan yang seimbang dalam aspek jasmani dan rohani bagi keperluan dunia dan akhirat melalui penerapan lima elemen teras pemulihan, iaitu:

K	:	Pengetahuan (Knowledge)
A	:	Sikap (Attitude)
S	:	Kemahiran (Skill)
I	:	Kecerdasan (Intelligence)
H	:	Kemanusiaan (Humanity)

Selaras dengan objektif ini, Bahagian Pengurusan Banduan (Seksyen Pemulihan dan Rawatan), JPM telah melaksanakan program yang dinamakan sebagai Program Pembangunan Insan (PPI) untuk pesalah yang ditempatkan di dalam penjara dan bagi mereka yang kemudiannya berkelayakan untuk memohon melakukan aktiviti Parol dan Kemasyarakatan sebagai pemulihan di luar penjara. Di samping PPI, JPM dalam usaha menerapkan nilai agama kepada pesalah, JPM telah membuka sekolah agama di dalam penjara yang pertama di dunia di Johor sebagai langkah percubaan.¹⁹

PROGRAM PEMBANGUNAN INSAN (PPI)

Program Pembangunan Insan (PPI) ialah satu sistem pemulihan yang bersepadu, merangkumi segala aktiviti fizikal dan kerohanian. Program ini mula diperkenalkan pada Februari 2002. PPI dilaksanakan dengan memberikan penekanan terhadap pembentukan disiplin dan disusuli dengan pembentukan sahsiah untuk membina semula sikap jati diri dan keyakinan dalam kalangan pesalah.²⁰

Pesalah dalam Program PPI ini dibekalkan dengan kemahiran melalui kelas-kelas vokasional yang disokong melalui pensijilan oleh agensi berkaitan. Pesalah juga berpeluang melanjutkan pelajaran melalui program pengajian akademik yang disediakan di peringkat kelas 3M, Penilaian Menengah Rendah, Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia, dan bagi mereka yang berkelayakan, peluang akademik disediakan sehingga ke pengajian peringkat tinggi seperti diploma, sarjana muda dan sarjana. Sehingga Januari 2016, dua orang banduan sedang mengikuti pengajian di peringkat doktor falsafah (PhD), 10 orang di peringkat sarjana, dan 60 orang di peringkat ijazah sarjana muda.²¹

Modul terakhir dalam PPI ialah Modul Pemasarakatan yang bertujuan sebagai latihan dan persediaan dalam kalangan pesalah untuk diintegrasikan semula ke masyarakat. Modul ini melibatkan program-program yang dilaksanakan di bawah Kem Pemasarakatan dan Parol di luar penjara.²²

OBJEKTIF PPI

PPI dibina berasaskan sistem fasa dan bertujuan membentuk akhlak penghuni melalui sistem pemulihan yang efektif dan efisien supaya mereka kembali kepada masyarakat sebagai individu yang bertanggungjawab dan produktif berteraskan pembentukan sikap, kemahiran dan pengetahuan.²³

KERANGKA PROGRAM PPI

PPI dilaksanakan secara berperingkat mengikut sistem fasa yang mempunyai tempoh masa yang tertentu.

FASA I: FASA ORIENTASI

Fasa I ialah fasa untuk pesalah mengikuti Modul Pendidikan dan Bimbingan. Fasa ini meliputi tempoh masa antara dua hingga tiga bulan berdasarkan kriteria

pesalah. Fasa ini menumpukan pada pembentukan kepatuhan disiplin dan peraturan, kenegaraan dan sivik, kesihatan dan kebersihan diri.²⁴

Modul Pendidikan dan Bimbingan disokong oleh Sub-Modul Pesalah Jenayah Umum, Sub-Modul Pesalah Kolar Putih, Sub-Modul Pesalah Seksual, Sub-Modul Pesalah Trafik. Kekuatan modul-modul ini disokong dengan pengisian pendidikan dalam Sub-Modul Kenegaraan, Sub-Modul Kebudayaan, Sub-Modul Pengurusan Diri, Sub-Modul Moral, Sub-Modul Muhasabah Diri, Sub-Modul Kemasyarakatan, Sub-Modul Kemahiran Sosial, Sub-Modul Perlakuan Jenayah, Sub-Modul Kerohanian, dan Sub-Modul Terapi Kekeluargaan.²⁵

FASA II: FASA PENGUKUHAN SAHSIAH

Pada fasa ini, program pemulihan yang diwujudkan sebagai rawatan utama (core treatment) dalam Program Pembangunan Insan.²⁶ Program ini dilaksanakan dalam tempoh antara enam bulan hingga 12 bulan. Penekanan diberikan kepada aspek pembentukan jati diri dan perubahan tingkah laku.²⁷ Pada fasa ini, pesalah akan mengikuti empat modul utama, iaitu:

1. Modul Pendidikan dan Bimbingan (sambungan Fasa 1).
Modul Halaqah (bagi yang beragama Islam) atau Modul Moral (bagi yang bukan beragama Islam). Modul Halaqah ini mengandungi pengajian Akidah, Fekah, Tilawah al-Quran, Tafsir, Hadis, Sirah, Akhlak dan Kesejahteraan Insan.
2. Modul Therapeutic Community.
Modul Therapeutic Community ialah program pemulihan berasaskan terapi kekeluargaan. Modul ini menekankan tiga elemen sebagai teras pemulihan untuk membawa perubahan diri pesalah, iaitu suri teladan (role model), tekanan atau sokongan rakan sebaya (peer pressure support) dan ikatan kekeluargaan (family

millieu). Melalui modul ini, penghuni diberi tanggungjawab merancang, mengatur dan mengurus aktiviti harian berasaskan nilai dan suasana kekeluargaan. Setiap individu dalam sistem ini merupakan “keluarga” dan setiap mereka berperanan untuk saling membantu serta saling memperingati antara satu sama lain (Man help man to help himself). Teguran dan tekanan akan diberi oleh rakan-rakan mereka sendiri yang merupakan “keluarga” supaya mereka akan dapat menyedarkan penghuni memahami kelemahan dirinya. Apabila kesedaran ini timbul, perubahan terhadap cara berfikir dapat membantu perubahan tingkah laku penghuni. Modul ini juga menggunakan pendekatan ganjaran (promotion) dan denda (demotion) bagi mewujudkan semangat dan motivasi penghuni untuk mencapai matlamat pemulihan total.²⁸

3. Modul Akademik.

Modul Therapeutic Community dan Modul Akademik adalah bagi pesalah yang berkelayakan dan berminat. Bagi Modul Halaqah, guru-guru agama dibekalkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.²⁹ Modul Halaqah digunakan untuk semua banduan tanpa mengira sama ada banduan tersebut telah dijatuhi hukuman penjara oleh mahkamah sivil ataupun syariah.³⁰ Pewujudan kelas pendidikan kepada penghuni penjara ini dapat dilihat dalam Perkara 151 Peraturan-Peraturan Penjara 1995 yang memperuntukkan bahawa:³¹

a. Di tiap-tiap penjara program kelas pendidikan hendaklah diatur dan kemudahan yang munasabah, atas syarat-syarat yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, boleh dibenarkan

kepada banduan yang ingin, pada masa lapangnya, memperbaiki pendidikan mereka melalui kursus korespondens atau pengajian persendirian atau untuk berlatih kraf tangan.

b. Perhatian khas hendaklah diberikan kepada pendidikan bagi banduan buta huruf dalam masa yang ditentukan oleh Pegawai yang Menjaga.

c. Tiap-tiap banduan yang boleh mendapat manfaat melalui kemudahan pendidikan yang disediakan hendaklah digalakkan untuk berbuat demikian. Bagi tujuan pelaksanaan pendidikan yang berkesan, Perpustakaan yang dilengkapi dengan bahan bacaan di penjara diwujudkan, ceramah, debat dan perlantikan guru sukarela bagi mengendalikan apa-apa kelas yang diluluskan boleh dibenarkan oleh Ketua Pengarah Penjara atas syor Pegawai yang Menjaga.

FASA III: FASA KEMAHIRAN

Fasa kemahiran membuka peluang kepada pesalah untuk membentuk kemahiran diri dalam bidang vokasional. Kemahiran vokasional ini turut dibantu oleh beberapa agensi yang membolehkan kemahiran tersebut dipersijilkan.³²

Modul utama yang terdapat dalam program ini ialah Modul Kemahiran Bersijil, Modul Vokasional, Model Usaha sama dalam Penjara.³³

Fasa ini dikemaskinikan kepada penghuni yang melepasi Fasa I dengan memperoleh PGNK 3.0 dan ke atas. Fasa ini bermatlamat melahirkan penghuni yang berkemahiran dan diiktiraf. Penghuni yang berada pada fasa ini perlu mengikuti aktiviti pemulihan yang ditetapkan, iaitu dua jam seminggu. Fasa kemahiran ini

tidak menentu tempohnya bergantung pada bidang kemahiran yang diikuti oleh penghuni tersebut.³⁴

Modul Kerohanian juga masih menjadi modul teras dalam fasa ini dan dilaksanakan kepada semua penghuni tanpa mengambil kira anutan agama mereka.³⁵

FASA IV: FASA PRABEBAS

Fasa ini merupakan fasa penghayatan. Penghuni dikehendaki menghayati apa yang telah dipelajari dan menterjemahkannya semasa menjalani fasa ini. Objektif utama fasa ini adalah untuk menyediakan penghuni dalam menghadapi stigma sosial apabila mereka dibebaskan

dan menggalakkan penyertaan awam dalam membantu proses asimilasi penghuni ke alam masyarakat. Di samping aktiviti utama, penghuni di fasa ini juga didedahkan dengan program sampingan seperti *we care* dan *community care*.³⁶

Fasa ini juga merupakan persediaan kepada pesalah untuk menyertai program pemasyarakatan (di kem-kem Pemasyarakatan dan juga Parol).

Berikut merupakan skema pemarkahan yang digunakan bagi penghuni untuk memohon program parol dan program kemasyarakatan di kem-kem kemasyarakatan.³⁷

JADUAL 2. Skema Pemarkahan Program Pembangunan Insan JPM

Peratusan Markah	Gred	Nilaian Gred PGNK
80-100	A	4.00
70-79	B	3.00
60-69	C	2.00
59 ke bawah	D	1.00

Sumber: Bahagian Pengurusan Banduan (Seksyen Pemulihan & Rawatan), JPM

Jadual 2 di atas merupakan skema pemarkahan yang digunakan oleh JPM dalam menentukan sama ada pesalah tersebut telah berjaya melepasi suatu fasa atau tidak. Nilain bagi gred tertinggi atau "A" ialah PGNK 4 dengan markah dari 80 hingga 100. Gred lulus bagi membolehkan pesalah tersebut masuk ke fasa seterusnya ialah PGNK 3 atau "B" dengan markah perolehan dari 70 hingga 79. Pesalah yang mendapat PGNK kurang dari 3.00 dikira gagal dan tidak dibenarkan untuk beralih ke fasa seterusnya.

SEKOLAH AGAMA TARBIYAH HUSNUL KHATIMAH

Sekolah Agama Tarbiyah Husnul Khatimah adalah merupakan sekolah aliran agama yang pertama dibuka di penjara Malaysia, bahkan ia ialah satu-satunya

sekolah aliran agama yang pernah diwujudkan di dalam penjara di dunia.³⁸ Sekolah ini ditubuhkan pada 28 November 2013 di Kompleks Penjara Kluang, Johor.³⁹ Sekolah agama di dalam penjara ini merupakan projek perintis dan ditubuhkan atas inisiatif Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Penjara untuk membimbing banduan mendapatkan pendidikan agama dengan sempurna sebelum dibebaskan.⁴⁰ Sekolah ini merupakan usaha sama Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ), Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) dan Jabatan Penjara Malaysia dalam memantapkan dan memperluas lagi cabang pemulihan untuk penghuni dengan memberikan peluang kepada mereka mendalami ilmu-ilmu agama Islam dengan lebih baik.⁴¹ Penubuhan Sekolah Agama di dalam penjara ini merupakan langkah permulaan

kepada penubuhan sekolah seumpamanya di seluruh institusi penjara di Malaysia. Buat masa ini, ia hanya dilaksanakan di Penjara Kluang Johor sahaja.⁴²

Penubuhan Sekolah Agama Tarbiyah Husnul Khatimah bermatlamat memperluas cabang pemulihan bagi penghuni penjara sekali gus melengkapkan banduan dengan aspek kerohanian bagi membolehkan mereka menghadapi pelbagai cabaran apabila dibebaskan kelak. Hal ini kerana pendidikan agama ialah nadi perubahan dan mampu menjana kehidupan yang lebih baik kepada setiap insan.⁴³ Menurut Timbalan Ketua Pengarah Penjara (Keselamatan dan Koreksional) Datuk Hasan Sakimon: Pendekatan kerohanian sebenarnya amat berkesan dalam program pemulihan kerana mereka ini kadang-kadang tidak tahu mengenai agama dan inilah peluang mereka memenuhi agama.⁴⁴

Dari segi pelaksanaan, terdapat dua program yang disediakan di Sekolah Agama Tarbiyah Husnul Khatimah, iaitu Program Tahfiz al-Quran dan Kelas Fardu ÑAin. Pada peringkat awal penubuhan sekolah ini, seramai 20 orang penghuni terlibat dalam pelajaran agama dan Fardu ÑAin manakala 20 orang lagi dalam hafazan al-Quran.⁴⁵

Sekolah ini membolehkan banduan berusia 21 tahun ke bawah menghadiri kelas fardu ain manakala banduan berusia 21 tahun ke atas menghadiri kelas Tahfiz al-Quran.⁴⁶ Dari segi pengurusan, sekolah ini diurus bersama oleh tiga agensi, iaitu Jabatan Agama Islam Johor, Majlis Agama Islam Johor dan Jabatan Penjara Malaysia. Guru dan kurikulum pengajian disediakan oleh JAIJ dan MAIJ manakala Jabatan Penjara Malaysia berperanan menyediakan kemudahan asas dan prasarana yang diperlukan.⁴⁷ Selepas dibebaskan, para pesalah ini akan dihantar ke surau-surau di negeri Johor untuk menjadi imam.⁴⁸

KESIMPULAN

Agenda keselamatan merupakan antara agenda utama dalam sesebuah negara. Ini kerana jaminan keselamatan akan memberikan peluang yang luas kepada pembangunan dan kemajuan masyarakat. Oleh itu, bagi mengekalkan aspek keselamatan ini, hukuman wajar dikenakan ke atas perbuatan jenayah yang boleh mengancam keselamatan dan merencatkan pembangunan dan kemajuan masyarakat. Namun demikian, perlu difahami bahawa antara aspek yang perlu diberikan perhatian untuk menghindari perlakuan jenayah dan perlakuan jenayah berulang bukanlah dengan meletakkan beban ke atas peranan hukuman berbentuk keseksaan semata-mata bahkan aspek pemulihan mereka juga mesti diambil kira. Hal ini kerana program pemulihan yang efektif akan berupaya menghalang penjenayah daripada mengulangi perbuatan jenayahnya pada masa-masa akan datang.

Bagi tujuan tersebut, Jabatan Penjara Malaysia telah mengambil pelbagai langkah proaktif dalam melakukan kajian, merencana dan melaksanakan program pemulihan secara sistematik, tersusun dan seimbang dari aspek fizikal dan rohani ke atas pesalah jenayah yang menjalani hukuman penjara. Pelaksanaan Program Pembangunan Insan yang melibatkan empat fasa, iaitu fasa orientasi, fasa pengukuhan sahsiah, fasa kemahiran dan fasa prabebas yang dilaksanakan ke atas setiap pesalah yang menjalani hukuman penjara jelas memperlihatkan usaha gigih JPM untuk membentuk akhlak pesalah atau penghuni penjara melalui sistem pemulihan yang efektif dan efisien supaya mereka dapat dikembalikan kepada masyarakat sebagai individu yang bertanggungjawab dan produktif berteraskan pembentukan sikap, kemahiran dan pengetahuan. Pelaksanaan program pemulihan oleh Jabatan Penjara Malaysia juga dilihat mampu berubah stigma atau persepsi masyarakat yang

beranggapan bahawa penjara merupakan tempat hukuman semata-mata.

NOTA

- ¹ Pamphlet Program Pembangunan Insan oleh Bahagian Pengurusan Banduan (Seksyen Pemulihan & Rawatan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Kajang Selangor.
- ² Anon. 2012. Portal Rasmi Jabatan Penjara Malaysia Kementerian Dalam Negeri. <http://www.prison.gov.my/portal/page/portal/hijau/sejarah> [2 Mac 2015]
- ³ Anon. 2012. Sejarah Penjara. Portal Rasmi Jabatan Penjara Malaysia Kementerian Dalam Negeri. <http://www.prison.gov.my/portal/page/portal/hijau/sejarah> [2 Mac 2015]
- ⁴ Ucapan Perasmian Dato' Seri Haji Zulkifli Bin Omar, Ketua Pengarah Penjara Jabatan Penjara Malaysia dalam Seminar Sejarah Penubuhan Penjara Malaysia pada 16 Oktober 2014 di Bilik Persidangan Fakulti Sains dan Teknologi, UKM, anjuran Jabatan Penjara Malaysia dengan kerjasama Pusat Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM.
- ⁵ Anon, "Jabatan Penjara rangka program pemulihan lebih efektif," *Utusan Online*, http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1230&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_12.htm#ixzz3X4as4lgZ, 30 Disember 2010.
- ⁶ Mohd Bin Samsudin, Kertas Kerja: Sejarah Penjara Moden Di Malaysia. *Seminar Sejarah Penubuhan Penjara di Malaysia* pada 16 Oktober 2014 bertempat di Bilik Persidangan Fakulti Sains dan Teknologi, UKM, anjuran Jabatan Penjara Malaysia dengan kerjasama Pusat Sejarah, Politik dan Strategi Fakulti, Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM, 2014, hlm 1-6.
- ⁷ Ucapan Perasmian oleh Dato' Seri Haji Zulkifli Bin Omar, Ketua Pengarah Penjara Malaysia dalam Seminar Sejarah Penubuhan Penjara Malaysia, 16 Oktober 2014, Bilik Persidangan Fakulti Sains dan Teknologi, UKM, Anjuran Jabatan Penjara Malaysia dengan kerjasama Pusat Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM.
- ⁸ Mohd Bin Samsudin, Kertas Kerja: Sejarah Penjara Moden di Malaysia. *Seminar Sejarah Penubuhan Penjara di Malaysia* pada 16 Oktober 2014 bertempat di Bilik Persidangan Fakulti Sains dan Teknologi, UKM, anjuran Jabatan Penjara Malaysia dengan kerjasama Pusat Sejarah, Politik dan Strategi, Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM, 2014, hlm 1-6.
- ⁹ Pamphlet Program Pembangunan Insan oleh Bahagian Pengurusan Banduan (Seksyen Pemulihan & Rawatan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Kajang Selangor.
- ¹⁰ Mohd Bin Samsudin, Kertas Kerja: Sejarah Penjara Moden Di Malaysia. *Seminar Sejarah Penubuhan Penjara di Malaysia* pada 16 Oktober 2014 bertempat di Bilik Persidangan Fakulti Sains dan Teknologi, UKM, anjuran Jabatan Penjara Malaysia dengan kerjasama Pusat Sejarah, Politik dan Strategi, Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM, 2014, hlm 1-6.
- ¹¹ Pamphlet Program Pembangunan Insan oleh Bahagian Pengurusan Banduan (Seksyen Pemulihan & Rawatan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Kajang Selangor.
- ¹² Pamphlet Program Pembangunan Insan oleh Bahagian Pengurusan Banduan (Seksyen Pemulihan & Rawatan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Kajang Selangor.
- ¹³ Jamaludin Saad, "Cabaran Dalam Usaha Membangunkan Dan Melaksanakan Modul Pemulihan Di Dalam Penjara Untuk Pesalah Jenayah Syariah" (2015) 27(1) *Jurnal Kanun*, hlm 170.
- ¹⁴ Pamphlet Program Pembangunan Insan oleh Bahagian Pengurusan Banduan (Seksyen Pemulihan & Rawatan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Kajang Selangor.
- ¹⁵ Jamaludin Saad, "Cabaran Dalam Usaha Membangunkan Dan Melaksanakan Modul Pemulihan Di Dalam Penjara Untuk Pesalah Jenayah Syariah" (2015) 27(1) *Jurnal Kanun*, hlm 171.
- ¹⁶ Pamphlet Penjara Sejahtera: Apa?, Mengapa?, Bagaimana?, Di mana? oleh Jabatan Penjara Malaysia.
- ¹⁷ Ucapan Perasmian oleh Dato' Seri Haji Zulkifli Bin Omar, Ketua Pengarah Penjara Malaysia dalam Seminar Sejarah Penubuhan Penjara Malaysia, 16 Oktober 2014, Bilik Persidangan Fakulti Sains dan Teknologi, UKM, anjuran Jabatan Penjara Malaysia dengan kerjasama Pusat Sejarah, Politik dan Strategi, Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM.
- ¹⁸ Anon. 2012. Undang-Undang. Portal Rasmi Jabatan Penjara Malaysia Kementerian Dalam Negeri. <http://www.prison.gov.my/portal/page/portal/biru/undang2> [4 Mac 2015]
- ¹⁹ TKPj Jamaludin Saad, Pengarah Bahagian Pengurusan Banduan Jabatan Penjara Malaysia,

- Pemulihan Pesalah Syarie Jabatan Penjara Malaysia. Temu bual, Persidangan Meja Bulat Kali Kedua anjuran Kumpulan Penyelidikan FRGS/2/2013/SSI10/UKM/02/8 bertempat di Hotel Puri Pujangga UKM pada 30 April 2015.
- 20 TKPj Jamaludin Saad, Pengarah Bahagian Pengurusan Banduan Jabatan Penjara Malaysia, Pemulihan Pesalah Syarie Jabatan Penjara Malaysia. Temu bual, Persidangan Meja Bulat Kali Kedua anjuran Kumpulan Penyelidikan FRGS/2/2013/SSI10/UKM/02/8 bertempat di Hotel Puri Pujangga UKM pada 30 April 2015.
- 21 Betty Surbayati, “Dua banduan lanjut pengajian PhD,” *Berita Harian Online*, <http://www.bharian.com.my/node/117574?m=1>, 24 Januari 2016.
- 22 TKPj Jamaludin Saad, Pengarah Bahagian Pengurusan Banduan Jabatan Penjara Malaysia, Pemulihan Pesalah Syarie Jabatan Penjara Malaysia. Temu bual, Persidangan Meja Bulat Kali Kedua Anjuran Grup Penyelidikan FRGS/2/2013/SSI10/UKM/02/8 bertempat di Hotel Puri Pujangga UKM pada 30 April 2015.
- 23 Pamplet Program Pembangunan Insan oleh Bahagian Pengurusan Banduan (Seksyen Pemulihan & Rawatan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Kajang Selangor.
- 24 Pamplet Program Pembangunan Insan oleh Bahagian Pengurusan Banduan (Seksyen Pemulihan & Rawatan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Kajang Selangor.
- 25 Jamaludin Saad, “Cabaran Dalam Usaha Membangunkan Dan Melaksanakan Modul Pemulihan Di Dalam Penjara Untuk Pesalah Jenayah Syariah: (2015) 27(1) *Jurnal Kanun*, hlm 170.
- 26 Pamplet Program Pembangunan Insan oleh Bahagian Pengurusan Banduan (Seksyen Pemulihan & Rawatan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Kajang Selangor.
- 27 Pamplet Program Pembangunan Insan oleh Bahagian Pengurusan Banduan (Seksyen Pemulihan & Rawatan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Kajang Selangor.
- 28 Lihat Anon, “Terapi kekeluargaan: Modul pemulihan yang berkesan,” *Utusan Online*, http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=0208&pub=utusan_malaysia&sec=pendidikan&pg=pe_04.htm&arc=hive, 8 Februari 2005).
- 29 TKPj Jamaludin Saad, Pengarah Bahagian Pengurusan Banduan Jabatan Penjara Malaysia, Pemulihan Pesalah Syarie Jabatan Penjara Malaysia. Temu bual, Persidangan Meja Bulat Kali Kedua anjuran Kumpulan Penyelidikan FRGS/2/2013/SSI10/UKM/02/8 bertempat di Hotel Puri Pujangga UKM pada 30 April 2015.
- 30 TKPj Jamaludin Saad, Pengarah Bahagian Pengurusan Banduan Jabatan Penjara Malaysia, Pemulihan Pesalah Syarie Jabatan Penjara Malaysia. Temu bual, Persidangan Meja Bulat Kali Kedua Anjuran Grup Penyelidikan FRGS/2/2013/SSI10/UKM/02/8 bertempat di Hotel Puri Pujangga UKM pada 30 April 2015.
- 31 Lihat Perkara 152, 153, 154 dan 156 dalam Peraturan-Peraturan Penjara 1995.
- 32 Pamplet Program Pembangunan Insan oleh Bahagian Pengurusan Banduan (Seksyen Pemulihan & Rawatan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Kajang Selangor.
- 33 Pamplet Program Pembangunan Insan oleh Bahagian Pengurusan Banduan (Seksyen Pemulihan & Rawatan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Kajang Selangor.
- 34 Pamplet Program Pembangunan Insan oleh Bahagian Pengurusan Banduan (Seksyen Pemulihan & Rawatan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Kajang Selangor.
- 35 Pamplet Program Pembangunan Insan oleh Bahagian Pengurusan Banduan (Seksyen Pemulihan & Rawatan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Kajang Selangor.
- 36 Pamplet Program Pembangunan Insan oleh Bahagian Pengurusan Banduan (Seksyen Pemulihan & Rawatan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Kajang Selangor.
- 37 Pamplet Program Pembangunan Insan oleh Bahagian Pengurusan Banduan (Seksyen Pemulihan & Rawatan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Kajang Selangor.
- 38 Ucapan Perasmian oleh YAB Dato’ Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi semasa menyandang jawatan sebagai Menteri di Kementerian Dalam Negeri dalam Seminar Penjara Sejahtera: Ke Arah Institusi Koreksional Bertaraf Dunia pada 8 Februari 2014 bertempat di Dewan Kelab Penjara Kajang Selangor. Anjuran Jabatan Penjara Malaysia. Lihat juga Hajah Azizah Awang et al., *Malaysia 2014: Laporan Rasmi Tahunan*, Putrajaya: Jabatan Penerangan Malaysia, 2014, hlm 264-265.
- 39 Hajah Azizah Awang et al., *Malaysia 2014: Laporan Rasmi Tahunan*, Putrajaya: Jabatan Penerangan Malaysia, 2014, hlm 264-265.
- 40 Hajah Azizah Awang et al., *Malaysia 2014: Laporan Rasmi Tahunan*, Putrajaya: Jabatan Penerangan Malaysia, 2014, hlm 264-265.
- 41 Portal Rasmi Kementerian Dalam Negeri. 2013. Ucapan Menteri Dalam Negeri Semasa Perasmian Sekolah Agama Tarbiyah Husnul Khatimah di Penjara Kluang Johor oleh DYMM Sultan Johor. <http://www.moha.gov.my/index.php/ms/kdn-sana-sini/1226-ucapan-menteri-dalam-negeri-perasmian-sekolah-agama-tarbiyah-husnul-khatimah-di-penjara-kluang-johor-oleh-dymm-sultan-johor> [4 Mac 2015]

- ⁴² Portal Rasmi Kementerian Dalam Negeri. 2013. Ucapan Menteri Dalam Negeri Semasa Perasmian Sekolah Agama Tarbiyah Husnul Khatimah di Penjara Kluang Johor oleh DYMM Sultan Johor. <http://www.moha.gov.my/index.php/ms/kdn-sana-sini/1226-ucapan-menteri-dalam-negeri-perasmian-sekolah-agama-tarbiyah-husnul-khatimah-di-penjara-kluang-johor-oleh-dymm-sultan-johor> [4 Mac 2015]
- ⁴³ Portal Rasmi Kementerian Dalam Negeri. 2013. Sekolah Agama di Penjara Harap Dapat Perluaskan Cabang Pemulihan-Ahmad Zahid. <http://www.moha.gov.my/index.php/ms/berita-kdn/1221-sekolah-agama-di-penjara-harap-dapat-perluaskan-cabang-pemulihan-ahmad-zahid> [4 Mac 2015]
- ⁴⁴ Anon, "Sekolah Agama Menengah Husnul Khatimah mungkin diperluas ke Penjara Sabah." *Berita Wilayah*, http://www.bernama.com/bernama/state_news/bm/news.php?cat=sbm&id=1029952. 11 April 2014.
- ⁴⁵ Portal Rasmi Kementerian Dalam Negeri. 2013. Sekolah Agama di Penjara Harap Dapat Perluaskan Cabang Pemulihan-Ahmad Zahid. <http://www.moha.gov.my/index.php/ms/berita-kdn/1221-sekolah-agama-di-penjara-harap-dapat-perluaskan-cabang-pemulihan-ahmad-zahid> [4 Mac 2015]
- ⁴⁶ Ucapan Perasmian oleh YAB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi semasa menyandang jawatan sebagai Menteri di Kementerian Dalam Negeri dalam Seminar Penjara Sejahtera: Ke Arah Institusi Koreksional Bertaraf Dunia pada 8 Februari 2014 bertempat di Dewan Kelab Penjara Kajang Selangor. Anjuran Jabatan Penjara Malaysia.
- ⁴⁷ Portal Rasmi Kementerian Dalam Negeri. 2013. Sekolah Agama di Penjara Harap Dapat Perluaskan Cabang Pemulihan-Ahmad Zahid. <http://www.moha.gov.my/index.php/ms/berita-kdn/1221-sekolah-agama-di-penjara-harap-dapat-perluaskan-cabang-pemulihan-ahmad-zahid> [4 Mac 2015]
- ⁴⁸ Ucapan Perasmian oleh YAB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi semasa menyandang jawatan sebagai Menteri di Kementerian Dalam Negeri dalam Seminar Penjara Sejahtera: Ke Arah Institusi Koreksional Bertaraf Dunia pada 8 Februari 2014 bertempat di Dewan Kelab Penjara Kajang Selangor. Anjuran Jabatan Penjara Malaysia.

RUJUKAN

- Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985
- Akta Kanak-Kanak 2001
- Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (Semakan 1972)
- Akta Penjara (Pindaan) 2008
- Akta Penjara 1995 dan Peraturan Peraturan (Akta 537)
- Anon. 2010. Jabatan Penjara rangka program pemulihan lebih efektif. *Utusan Online*, http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1230&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_12.htm#ixzz3X4as4lgZ. Accessed on: 30 Disember 2010.
- Anon. Sekolah Agama Menengah Husnul Khatimah mungkin diperluas ke Penjara Sabah. *Berita Wilayah*, http://www.bernama.com/bernama/state_news/bm/news.php?cat=sbm&id=1029952 [11 April 2014].
- Anon. 2012. Portal Rasmi Jabatan Penjara Malaysia Kementerian Dalam Negeri. <http://www.prison.gov.my/portal/page/portal/hijau/sejarah> [2 Mac 2015]
- Anon. 2012. Sejarah Penjara. Portal Rasmi Jabatan Penjara Malaysia Kementerian Dalam Negeri. <http://www.prison.gov.my/portal/page/portal/hijau/sejarah> [2 Mac 2015]
- Anon. 2012. Undang-Undang. Portal Rasmi Jabatan Penjara Malaysia Kementerian Dalam Negeri. <http://www.prison.gov.my/portal/page/portal/biru/undang2> [4 Mac 2015]
- Betty Surbayati. 2016. "Dua banduan lanjut pengajian PhD," *Berita Harian Online*, <http://www.bharian.com.my/node/117574?m=1>, 24 Januari 2016.

- Hajah Azizah Awang et al. 2014. *Malaysia 2014: Laporan Rasmi Tahunan*. Putrajaya: Jabatan Penerangan Malaysia.
- Jamaluddin Saad. 2015. Cabaran dalam usaha membangunkan dan melaksanakan modul pemulihan di dalam penjara untuk pesalah jenayah syariah. *Jurnal Kanun* 27(1)
- Kaedah-Kaedah Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1970
- Kaedah-Kaedah Keselamatan Dalam Negeri (Ordinan Orang Tahanan) 1960
- Kaedah-Kaedah Sekolah Henry Gurney 1949
- KPj Jamaludin Saad. Pengarah Bahagian Pengurusan Banduan, Jabatan Penjara Malaysia. 2015. Pemulihan Pesalah Syarie. Persidangan Meja Bulat kali Kedua anjuran Kumpulan Penyelidikan FRGS (Kod Penyelidikan: FRGS/2/2013/SSI10/UKM/02/8) bertempat di Hotel Puri Pujangga UKM pada 30 April 2015.
- Anon, "Terapi kekeluargaan: Modul pemulihan yang berkesan," *Utusan Online*, http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=0208&pub=utusan_malaysia&sec=pendidikan&pg=pe_04.htm&arc=hive [8 Februari 2005].
- Mohd Samsudin. 2014. Kertas Kerja: Sejarah Penjara Moden Di Malaysia. Seminar Sejarah Penubuhan Penjara di Malaysia pada 16 Oktober 2014 bertempat di Bilik Persidangan Fakulti Sains dan Teknologi, UKM anjuran Jabatan Penjara Malaysia dengan kerjasama Pusat Sejarah, Politik dan Strategi, Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM.
- Pamphlet Penjara Sejahtera: Apa?, Mengapa?, Bagaimana?, Di mana? oleh Jabatan Penjara Malaysia.
- Pamphlet Program Pembangunan Insan oleh Bahagian Pengurusan Banduan (Seksyen Pemulihan & Rawatan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Kajang Selangor.
- Peraturan Penjara 2000
- Perintah Tetap Ketua Pengarah Penjara Perlembagaan Persekutuan Malaysia
- Portal Rasmi Kementerian Dalam Negeri. 2013. Sekolah Agama di Penjara Harap Dapat Perluaskan Cabang Pemulihan-Ahmad Zahid. <http://www.moha.gov.my/index.php/ms/berita-kdn/1221-sekolah-agama-di-penjara-harap-dapat-perluaskan-cabang-pemulihan-ahmad-zahid> [4 Mac 2015]
- Ucapan Perasmian Dato' Seri Haji Zulkifli Bin Omar, Ketua Pengarah Penjara Jabatan Penjara Malaysia dalam Seminar Sejarah Penubuhan Penjara Malaysia pada 16 Oktober 2014 di Bilik Persidangan Fakulti Sains dan Teknologi, UKM, anjuran Jabatan Penjara Malaysia dengan kerjasama Pusat Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM.
- Ucapan Perasmian oleh YAB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi semasa menyandang jawatan sebagai Menteri di Kementerian Dalam Negeri dalam Seminar Penjara Sejahtera: Ke Arah Institusi Koreksional Bertaraf Dunia pada 8 Februari 2014 bertempat di Dewan Kelab Penjara Kajang Selangor. Anjuran Jabatan Penjara Malaysia. Lihat juga Hajah Azizah Awang et al., *Malaysia 2014: Laporan Rasmi Tahunan*, Putrajaya: Jabatan Penerangan Malaysia, 2014, hlm 264-265.

Hasnizam Hashim
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800 Nilai, Negeri Sembilan
Malaysia
E-mel: hasnizam@usim.edu.my

Norman Zakiyy Chow Jen T’Ciang
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800 Nilai, Negeri Sembilan
Malaysia
E-mel: zakiyy@usim.edu.my

Ramalingam Rajamanickam
Fakulti Undang-Undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi
Selangor
Malaysia
E-mel: rama@ukm.edu.my